

Pesawat berlepas ke Wuhan bawa pulang rakyat Malaysia

141 penumpang akan melalui tapisan kesihatan sebelum dibenar berlepas balik

Oleh Rafidah Mat Ruzki dan Luqman Arif Abdul Karim
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Pesawat AirAsia, AK8264, berlepas dari Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2 (klia2) ke Wuhan, China, pada jam 4.38 petang semalam, untuk membawa pulang 116 rakyat Malaysia dan 25 pasangan dan anak mereka, yang berdepan perintah berkurung di bandar raya dalam wilayah Hubei itu.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, berkata pesawat A320 itu turut membawa bersama 500,000 sarung tangan getah sebagai sumbangan kepada kerajaan China dalam operasi menangani penularan coronavirus (2019-nCoV) di negara terbabit.

“Kesemua 141 penumpang ini akan melalui tapisan kesihatan mengikut ketetapan pihak penerbangan di Lapangan Terbang Antarabangsa Tianhe, Wuhan, sebelum dibenarkan memasuki pesawat untuk berlepas balik ke Malaysia.

“Tempoh yang diambil untuk tapisan kesihatan, proses imigresen dan kebenaran berlepas tidak dapat dipastikan buat masa ini.

“Sebaik tiba di Malaysia, se-



Sebahagian daripada pasukan Perubatan Kecemasan dan Perkhidmatan Trauma (EMTS) Kementerian Kesihatan membawa peralatan untuk berangkat ke Wuhan semalam. (Foto Aizuddin Saad/BH)

mua 167 penumpang iaitu 141 yang dibawa pulang, 12 kru, lapan petugas misi dan enam pegawai Kedutaan Besar Malaysia di Beijing sekali lagi akan melalui tapisan kesihatan di Unit Bencana Udara (ADU) KLLA,” katanya dalam kenyataan, semalam.

Dr Wan Azizah yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat, berkata mana-mana penumpang didapati mempunyai gejala coronavirus akan dibawa terus ke hospital, manakala yang melepasi saringan dibawa menaiki bas ke pusat pemantauan selama 14 hari.

“Agensi Pengurusan Bencana

Negara (NADMA) akan berhubung dengan waris mereka bagi memaklumkan urusan penerbangan pulang dan memberi penerangan berkaitan proses kuarantin yang perlu dilalui ahli keluarga sepanjang 14 hari,” katanya.

Sementara itu, Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, menjelaskan yang sepanjang tempoh kuarantin itu, ahli keluarga mereka tidak boleh datang melawat, sebaliknya hanya boleh berhubung menerusi telefon bimbit.

Menyentuh empat fasa proses membawa semua rakyat Mala-

aysia pulang, beliau berkata, saringan terhadap kesemua rakyat Malaysia dan warga asing yang juga pasangan serta anak mereka, akan dilakukan pihak berkuasa China di Lapangan Terbang Antarabangsa Wuhan Tianhe, sebelum dibenarkan menaiki pesawat AirAsia yang melakukan penerbangan misi bantuan kemanusiaan itu.

Katanya, hanya mereka yang didapati sihat yang dibenarkan menaiki pesawat untuk pulang, manakala mereka yang menunjukkan gejala perlu tinggal di Wuhan untuk menjalani rawatan.